

21/05/2000

PM ziarah Sultan Johor

TENGGU Mahkota Johor (tengah) bersalaman dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sambil disaksikan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman (kiri), menyambut ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI), Senai, Johor, semalam.

Dr Mahathir tiba di sini, kira-kira jam 11.45 pagi untuk lawatan peribadi untuk menziarahi Sultan Johor yang kini sedang mendapatkan rawatan di Hospital Pakar Puteri.

Perdana Menteri menghabiskan masa lebih sejam melawat Sultan Johor di hospital berkenaan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Abdul Ghani yang turut mengiringi Dr Mahathir ke hospital berkenaan dari LTSI, berkata keadaan kesihatan Sultan Johor baik.

(END)